

**PROTES SOSIAL DALAM ANUM RANUM: SUARA HATI  
SEORANG PENGARANG  
*SOCIAL PROTEST IN ANUM RANUM: THE AUTHOR'S  
CONSCIENCE***

CHE ABDULLAH CHE YA

**ABSTRAK**

Makalah ini menganalisa isu-isu sosial yang dihadapi oleh orang Melayu yang digambarkan dalam cerita-cerita pendek yang ditulis oleh Razali Endun. Cerita-cerita itu telah diterbitkan dalam bentuk antologi yang bertajuk *Anum Ranum*. Pengarang menyuarakan protesnya tentang orang Melayu yang sangat obesesi dengan kuasa dan kekayaan material. Rasuah dan penyalahgunaan kuasa menjadi amalan biasa di kalangan mereka. Mereka juga meninggalkan tradisi lama seperti adat dan bahasa. Semua isu itu adalah pancaran tentang realiti yang ada dalam masyarakat sekarang.

***Kata Kunci:*** Protes sosial. Rasuah, penyalahgunaan kuasa, budaya dan bahasa.

**ABSTRACT**

This article analyses the social issues faced by the Malays which are portrayed in short stories written by Razali Endun. The stories are published as an anthology with the title *Anum Ranum*. The author expressed his protest about the Malays who are obsessed with political powers and material wealth. Corruption and power abuse are common practices among them. They are also neglecting their own tradition such as custom and language. All the issues are reflecting the reality in our present society.

**Key words:** social protest, corruption, power abuse, culture and language

## Pengenalan

Karya sastera tidak lahir dalam ruang yang kosong, apa yang tergambar dalam karya sastera adalah cerminan kejadian yang sebenar berlaku dalam kehidupan manusia. Peristiwa yang berlaku dalam masyarakat akan menjadi bahan renungan dan pemikiran para pengarang kerana pengarang adalah sebahagian daripada masyarakat. Sebagai anggota masyarakat apa juga yang berlaku dalam masyarakat akan diperhati dianalisis dan dijadikan bahan oleh penulis untuk menghasilkan karya sastera. Segala kepincangan dalam masyarakat akan menimbulkan rasa marah, sakit hati dan lain-lain dalam jiwa pengarang dan ketidakpuasan hati itu diadun dengan imaginasi dan wawasan lalu dicernakan dalam bentuk realiti kreatif.

Dalam mendepani arus globalisasi, masyarakat kita turut mengalami berbagai kepincangan baik dari sudut budaya, ekonomi mahupun politik. Kepincangan ini pastinya akan menyetuh jiwa pengarang yang sememangnya sensitif. Lantaran itu lahirlah protes pengarang terhadap situasi yang berlaku dalam bentuk karya kreatif. Hashim Awang (1998) menganggap karya sastera sebagai perakam zaman yang sangat ampuh. Ini kerana para pengkarya merupakan pihak yang paling peka dan paling tinggi darjah perasaan bertanggungjawab untuk menegakkan keadilan dan kemanusiaan. Protes terhadap keadilan dan kemanusiaan inilah yang mendominasi kumpulan cerpen Anum Ranum. Antologi ini dihasilkan oleh Razali Endun dan diterbitkan oleh Badan Penulis Kreatif (PIKIR) pada tahun 2010. Antologi ini menghimpunkan 17 buah cerpen yang kebanyakan pernah disiarkan oleh pelbagai media seperti *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Dewan Sastera*, *Dewan Budaya*, *Dewan Masyarakat*, *Siasah*, *Harakah* dan *Pelita Bahasa*.

Razali Endun bukanlah satu nama yang asing dalam arena kesusasteraan tanahair. Pengarang yang dilahirkan pada 7 Mac 1942 di Kampung Bertam Malim, Melaka ini menulis sejak tahun-tahun 1960-an lagi. Beliau banyak menulis cerpen serta rencana dan berita sehingga tahun-tahun 1970-an. Beliau seorang usahawan yang tidak terlibat secara sepenuh masa dalam penulisan bahkan beliau lama berehat daripada menulis (1975 hingga 1998). Kemelut yang berlaku dalam arena politik tanah air pada tahun 1998 telah membangkitkan kembali semangat beliau untuk menulis dan beliau terus aktif menulis sehingga kini. Dalam usia yang menjangkau 70 tahun keaktifan beliau terus menghasilkan karya cukup mengagumkan. Antara karya-karya yang dihasilkan oleh beliau termasuklah novel *Perpindahan* (2003) *Meniti gelombang* (2004), *Bumi Merah* (2004), dan *Menggapai Puncak* (2007). Kumpulan cerpen pula *Dua Era* (2001) dan *Anum Ranum* (2010). Beliau turut menghasilkan karya-karya bukan kreatif seperti *Doa dan air Mata* (2001) dan *50 Tahun Politik Orang Melayu- Apakah Yang Kita Cari* (2008).

Kumpulan cerpen *Anum Ranum* menjadi wadah pengarang melahirkan protes beliau terhadap pelbagai permasalahan yang berlaku dalam masyarakat Malaysia hari ini. Antologi ini lahir daripada protes pengarang terhadap beberapa kepincangan budaya, ekonomi dan politik dalam masyarakat Malaysia hari ini. Dalam pengertian biasa, protes bermaksud pernyataan tidak setuju dengan sesuatu dasar, usul dan lain-lain. Dalam sastera, ia boleh membawa pelbagai pengertian, misalnya, sebagai gambaran suasana hati yang penuh pemberontakkan atau penentangan (Dharmawijaya, 1994). Sebagai sebuah karya kreatif protes ini tidak pula dilahirkan secara langsung sebaliknya disampaikan secara tersirat yang memerlukan penelitian dan penaksiran daripada khalayak pembaca. Untuk penelitian ini, kajian memfokuskan kepada protes politik kerana daripada 17 buah cerpen yang dimuatkan dalam kumpulan cerpen ini, sebanyak 11 buah membawa persoalan politik samada politik kepartian, nasionalisme

dan juga kepemimpinan yang disampaikan sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Beberapa persoalan politik dilukiskan oleh pengarang seperti kegilaan manusia akan kuasa, penyelewengan kuasa, pertentangan ideologi dan perpecahan di kalangan masyarakat.

### **Analisis Politik**

Sastera dan politik adalah dua hal yang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya bertolak daripada perlakuan manusia. Apa yang berlaku dalam politik seperti pertentangan ideologi, perebutan dan penyelewengan kuasa akan memberi bahan untuk diolah oleh pengarang dalam bentuk realiti kreatif. Dalam hal ini Wiratmo Soekito (1992:22) menegaskan bahawa perkembangan yang berlaku dalam politik akan mempengaruhi perkembangan yang berlaku dalam bidang kesusasteraan. Lantaran itu sesebuah karya sastera seringkali diwarnai oleh latar belakang politik seperti pertentangan ideologi, perebutan dan penyelewengan kuasa dan lain-lain pergolakan politik sesebuah Negara.

Kegilaan manusia akan kuasa dilukiskan pengarang dalam cerpen-cerpen “Cah Keting”, “Tikus” dan “Anum Ranum”. “Cah Keting” yang mengambil dealek Kelantan sebagai tajuknya Cah Keting yang membawa erti lawan ditumpaskan secara kotor. Cerpen ini menggambarkan bagaimana watak utamanya Berahim Kutty telah berusaha pelbagai cara untuk menjadi Ketua perhubungan negeri. Berbagai cara dilakukan oleh Berahim kutty bagi menjamin kejayaan berpihak kepada beliau. Beliau sanggup berkerja keras dalam menjayakan program-program yang dihadiri pemimpin tertinggi parti iaitu Maharaja Mahakuasa. Maharaja Mahakuasa gemar mengadakan perhimpunan besar dan sering pula Berahim Kutty dipertanggungjawabkan menganjur perhimpunan itu:

Berahim Kutty memang pakar dalam urusan himpunan sejuta rakyat. Sebelum ini beberapa perhimpunan besar telah berjaya diadakan apabila Maharaja datang berkunjung ke negeri Anjung Makkah itu. Perarakan patung burung Petawali yang dianjurkan olehnya juga mendapat sambutan ribuan orang. Dia juga pakar dalam urusan menganjurkan demonstrasi jalanan bagi menunjukkan penentangan terhadap pemerintahan Maulana Sheikh Azizi yang mendapat sokongan majoriti rakyat Mahubala.

(hlm. 147-148)

Berahim Kutty sanggup melakukan ini kerana kegilaannya akan kuasa. Beliau berharap pemimpin tertinggi akan melantik beliau menjadi salah seorang pemimpin tertinggi peringkat negeri bagi merampas semula negeri Mahubala dari tangan pembangkang. Beliau juga bercita-cita menjadi Menteri Besar yang selama ini dipengang oleh Sheikh Azizi. Untuk mencapai cita-citanya, Berahim Kutty terpaksa mencantas (menjatuhkan) pemimpin-pemimpin walaupun mereka adalah kawan beliau sendiri:

Berahim Kutty juga seorang yang mempunyai kemahiran bermain sukan cah keting. Malah ramai kawan-kawannya di dalam parti sentiasa senang itu memang mahir bermain permainan ini. Cah keting memang sudah menjadi budaya dan permainan tradisi anggota parti siasahnya itu. Sesiapa yang mempunyai keting kecil akan mudah disepak dan diterajang oleh teman-teman seperti bagi memastikan yang kena sepak tersemban jatuh, kalau boleh jangan bangun-bangun lagi. Ramai yang telah menjadi mangsa cah keting Berahim Kutty meskipun dia turut menjadi mangsa apabila ketingnya diterajang kuat oleh teman-temannya. Mujur dia mempunyai keting yang tegap dan matang, setiap kali terjatuh

akibat permainan cah keting itu dia mampu berdiri semula.

(hlm.148-149)

Melalui cerpen ini pengarang mengkritik sikap gila akan kuasa di kalangan pemimpin politik. Sikap berpura-pura dan tidak ikhlas pemimpin politik dikritik oleh pengarang. Dalam soal ini Baha Zain (1982:3) dalam membicarakan hubungan sastera dan politik berpendapat bahawa penulis atau sasterawan seringkali menjadikan orang politik sebagai layar untuk menayangkan mimpi-mimpi buruknya..”. Cerpen ini memperlihatkan bahawa pemimpin yang berkuasa akan berusaha untuk mengekalkan kekuasaan yang mereka miliki walau dengan apa cara sekalipun. Mereka sanggup melakukan apa sahaja bagi menjamin cita-citanya tercapai termasuklah menjatuhkan kawan-kawannya sendiri dan mana-mana ahli yang tidak menyokong mereka akan dikeluarkan:

Akan dicantas dan dicah keting sesiapa anggota partinya yang tidak menyokongnya. Hanya anggota yang bersifat dan bersikap burung kakak tua sahaja akan dikekalkan. Jika dia berbuat demikian pun bukanlah menjadi kesalahan, kerana ketuanya Maharaja Mahakuasa juga menggunakan taktik dan strategi yang sama bagi mengekalkan kuasanya.

(hlm.151)

Selain Kisah kegilaan Berahim Kutty terhadap kuasa, cerpen ini juga memaparkan ketidaksenangan pemimpin tertinggi Negara Mahabrata kerana negeri Mahubala telah 12 tahun jatuh ke tangan pembangkang. Dalam strategi menawan kembali negeri Mahubala pemimpin tertinggi kerajaan persekutuan, Maharaja Mahakuasa berkunjung ke negeri Mahubala yang diperintah oleh parti pembangkang. Kedatangan Mahakuasa ke daerah itu sebahagian daripada strategi untuk merampas kembali Mahubala. Berbagai

strategi dijalankan bagi mendapatkan kembali kuasa mentadbir negeri yang telah jatuh itu:

Untuk merampas semula negeri yang bergelar Anjung Makkah itu, maka pelbagai strategi dan propaganda dilakukan untuk memperdayakan dan memikat semula hati rakyat. Maka dilantik oleh Mahakuasa seorang menteri propaganda yang bernama Nana zamani yang bertanggungjawab membuat pelbagai propaganda kononnya untuk mencelikkan rakyat Mahubala yang didakwa telah disesatkan oleh Maulana Sheikh Azizi dan partinya.

(hlm. 144-145)

Dengan pemilihan dialek Kelantan *cah keting*, mudah untuk pembaca menaksir cerpen ini sebagai pergolakan politik yang berlaku di negeri Kelantan. Persamaan beberapa peristiwa yang berlaku seperti pemerintah Mahubala adalah pembangkang yang diketuai oleh Menteri Besarnya Sheikh Azizi dengan mudah dapat difahami oleh khalayak pembaca. Gambaran ini diperjelaskan lagi dengan penampilan watak-watak dalam cerpen ini terasa dekat dengan kita. Hal ini dijelaskan lagi apabila pengarang menulis:

Perhimpunan raksasa itu ditaja dan diusahakan oleh sebuah parti politik bernama sentiasa senang, yang memerintah Mahabrata tetapi menjadi pembangkang di negeri Mahubala. Negeri Mahubala diperintah oleh sebuah parti politik berlambang bulan bintang yang diketuai oleh seorang ulama bernama Maulana Sheikh Azizi.

(hlm. 144)

Kegilaan manusia pada kuasa ini turut dilukiskan melalui cerpen “Tikus”. Cerpen ini memaparkan kehidupan watak utamanya

tikus bersama anak-anaknya disebuah rumah orang kaya. Pada awalnya kehidupan mereka selesa namun di atas kealpaan menjaga diri kehadiran mereka di rumah itu disedari tuan rumah. Untuk mengatasi masalah tikus itu tuan rumah telah memelihara kucing dan untuk melawan kucing tersebut, tikus telah berjumpa degan ahli sihir agar dia dijadikan kucing yang lebih besar, Tuan rumah kemudian memelihara anjing dan situasi yang sama berlaku, kemudian tuan rumah memelihara Harimau dan kali ini ahli sihir tidak lagi mahu membantu tikus kerana kata beliau selama ini dia tidak pernah menukar tikus menjadi besar hanya perasaan tikus sahaja yang merasakan dirinya besar justeru itu tiada guna tikus menjadi besar kalau pemikirannya masih lagi kecil. Hal ini dilukiskan oleh pengarang:

“Sebenarnya saya tidak pernah jadikan kamu sebagai seekor kucing, atau seekor anjing. Itu hanya perasaan dan ilusi kamu sahaja menganggap diri kamu bertukar menjadi binatang yang lebih besar, sedangkan hakikatnya bukan begitu. Sayangnya, walaupun perasaan kamu menjadi besar, akan tetapi hati kamu masih kecil.” Tukang sihir memecahkan rahsianya kepada saya. Saya terasa macam dipermainkan pula.

(hlm. 111)

Melalui karyanya ini, pengarang memperlihatkan sikap manusia yang tidak berpuas hati dengan yang mereka miliki. Dilihat dalam konteks kuasa, keinginan manusia untuk berkuasa sentiasa bermain dalam diri mereka. Manusia tidak akan berpuas hati dengan apa yang mereka miliki dan sentiasa memburu kuasa yang tertinggi. Dalam membicarakan tentang kuasa ini, Thomas Hobbes menegaskan “kecederungan umum manusia adalah keresahan nafsu yang tidak terbatas untuk mendapatkan kuasa yang lebih banyak, kuasa yang akan hanya berakhir dengan kematian” (Ball 1993:5).



Cerpen “Anum Ranum” pula boleh membawa pelbagai taksiran. Walaupun tersurat sebagai satu kritikan moral dan terasa ada unsur lucu, cerpen ini juga boleh ditaksirkan sebagai kegunaan manusia kepada kuasa. Cerpen yang berkisar kepada keinginan watak utamanya Pak Abu yang amat teringin menikmati buah rambutan Pak Tam yang sedang masak ranum di hujung dahan. Sebiju rambutan yang sedang masak begitu menarik selera Pak Abu walaupun dia sedar rambutan itu adalah milik jirannya Pak Tam. Keinginan pada Abu kepada buah rambutan itu begitu memuncak walaupun dia sendiri sebenarnya memiliki pokok rambutan.

Sebutir rambutan ranum menjadi idaman dan igauan Pak Abu siang dan malam. Setiap kali Pak Abu melintasi rumah Pak Tam, ekor matanya tidak pernah terlepas mencuri pandang sebutir buah rambutan yang sedang Anum Ranum itu. Pak Abu terkecur liurnya. Dia kepingin mahu merasai keenakan buah rambutan yang sedang ranum itu. Kemerahan warna kulitnya, disaluti pula bulunya yang tebal mencerminkan keputihan isinya. Isinya tentu lekang dan rasanya pasti manis.

(hlm. 1)

Pak Abu melakukan pelbagai usaha untuk mendapatkan buah rambutan itu walaupun ia dijaga ketat oleh Pak Tam. Bagi menjaga buah rambutan itu Pak Tam telah memagar kawasan rumahnya dan batangnya pula dililit kawai berduri agar tiada siapa yang dapat mengambil buah rambutan yang sebiju itu. Keinginan terhadap buah rambutan yang sebiju itu makin kuat di hati Pak Abu apabila mendapat tahu Dogol juga berminat kepada buah rambutan yang sebijik itu. Dogol yang jauh lebih muda itu dilihat sebagai pesaingnya dalam mendapatkan buah rambutan itu. Akhirnya peluang yang dinanti oleh Pak Abu muncul juga apabila mendapat tahu Pak Tam meninggalkan rumahnya bagi menghadiri kenduri kahwin di kampung seberang

sungai dan peluang itu bertambah apabila Pak Tam memaklumkan bahawa dia mungkin tidak balik pada malam itu. Diakhir cerita Pak Abu telah ditangkap kerana mengganggu isteri Pak Tam yang disangka Anum anak Pak Tam.

Dilihat dari sudut politik, cerpen ini selari dengan pendapat Thomas Hobbes yang mengatakan ‘kecederungan umum manusia adalah keresahan nafsu yang tidak terbatas untuk mendapatkan kuasa yang lebih banyak, kuasa yang akan hanya berakhir dengan kematian’. Sebihi rambutan menjadi lambang kepada kuasa yang tertinggi dan kuasa itu menjadi impian banyak orang. Untuk mendapatkan kuasa yang tertinggi itu berbagai cabaran harus ditempuhi dan harus sentiasa berhati-hati kerana perangkap sentiasa menunggu. Sebarang kealpaan akan membawa kepada kegagalan dan itulah yang dialami oleh Pak Abu.

Dasar Kerajaan yang memperkenalkan Pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris turut dikritik oleh pengarang melalui cerpennya “Keranda 152” dan “Mereka Kembali lagi”. Pengarang melahirkan rasa marahnya terhadap dasar ini yang telah menghina kedudukan bahasa Melayu. Pengarang melahirkan protes terhadap pemimpin Negara yang dianggar telah menjatuhkan kedudukan bahasa Melayu.

Cerpen “Keranda 152” membawa kisah kekesalan dan kekecewaan watak utamanya, abah apabila khutbah yang dibaca oleh Khatib dalam bahasa Arab walaupun makmunnya majoritinya orang Melayu yang tidak memahami bahasa Arab. Penentangan itu telah menyebabkan abah ditahan di bawah akta hasutan tanpa bicara. Selepas di tahan abah mula jatuh sakit dan akhirnya dibebaskan. Meskipun belum mati, sekumpulan pemimpin kampung berusaha mengebumikan jasad seorang ayah yang belum lagi meninggal. Dalam hal ini pengarang menulis:

Abah belum mati lagi. Tetapi sekampung sudah sibuk mahu buat kenduri tahlil untuk abah. Bilal Usin sudah siapkan kain kapan. Malah keranda untuk abah pun sudah ditempahnya. Imam Kusnin mencari-cari surah talkin untuk dibacakan nanti pada pengebumian abah. Ibu pasrah. Dia semacam tidak dapat berbuat apa-apa. Semuanya ditentukan oleh imam dan pegawai masjid.

(hlm.223)

Melalui karyanya ini pengarang mengkritik sikap pemimpin politik Melayu yang sanggup mengorbankan bahasa mereka sendiri demi kepentingan politik. Abah menjadi lambang bahasa Melayu yang mula tersisih di kalangan masyarakat. ancaman terhadap bahasa Melayu ini ditulis oleh pengarang:

Tidak ada tanda-tanda abah diserang virus. Akan tetapi semenjak imam masjid menukarkan bacaan khutbahnya dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab, abah membantah. Kata abah, khutbah mesti difahami oleh makmun.

(hlm. 224)

Melalui cerpen ini pengarang melahirkan protes beliau terhadap dasar matematik sains dalam bahasa Inggeris yang diperkenalkan oleh kerajaan. Pengarang melahirkan kebimbangan beliau terhadap kedudukan bahasa Melayu. Pengarang melahirkan kritikan kepada sikap pemimpin dan menganggap dasar ini merugikan bahasa Melayu itu sendiri. Dasar ini juga dilihat oleh pengarang sebagai satu langkah membunuh bahasa Melayu. Namun di akhir penulisan pengarang menegaskan bahawa bahasa Melayu tidak akan mati kerana masih ramai yang akan mempertahankannya. Dalam hal ini pengarang menulis:

“Abah saya belum mati lagi. Dia ada di rumah. Dia sudah boleh duduk. Nampaknya bertambah sihat,” tukas Abang Alang, entah untuk menghiburkan, entah untuk menyindir”

(hlm. 234)

Protes terhadap pengajaran Matematik sains dalam bahasa Inggeris ini turut diangkat melalui cerpen “Mereka Kembali Lagi”. Sekiranya cerpen “Keranda 152” menganggap dasar ini sebagai usaha membunuh bahasa Melayu, cerpen ini pula menganggap dasar ini sebagai sebuah penjajahan baru. Bagi pengarang dasar ini menambah kuatkan lagi siri penjajahan baru yang sememangnya telah kukuh bertapak di tanah air kita yang merdeka ini. Cerpen ini berkisar kepada kedatangan kembali keluarga Tuan Philip bersama keluarganya mengejutkan watak aku yang cukup kuat semangat nasionalismanya. Kedatangan keluarga Inggeris yang pernah menjadi majikan beliau semasa zaman penjajahan itu di luar dugaan aku kerana aku pernah menegaskan kepada majikannya itu bahawa dia tidak perlu lagi datang ke negara ini pada pertemuan terakhir beliau dengan keluarga Inggeris tersebut namun hal yang sebaliknya pula berlaku. Ini misalnya ditegaskan oleh watak aku:

Ketika mereka mahu berangkat pulang pada 31 Ogos 1957, di ambang hari kemerdekaan Malaya, aku memberitahunya bahawa Inggeris tidak perlu lagi berada di sini. Kini kami sudah merdeka. Kami boleh tadbir negara sendiri. Kami boleh urus ekonomi kami. Kami berkemampuan menstabilkan politik kami. Kami akan daulatkan bahasa kami. Bahasa Melayu telah dipersetujui oleh kaum-kaum lain untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Negara sebagai bahasa rasmi kehadiran orang Inggeris tidak diperlukan lagi. Orang Inggeris boleh pergi tanpa kembali lagi.

(hlm.113-114)

Dasar pendidikan matematik sains dalam bahasa Inggeris dianggap pengarang sebagai penjajahan kembali negara kita kerana Inggerislah yang selama ini menjajah Negara kita. Hal ini ditegaskan oleh watak Tuan Philip yang berpendapat Inggeris tetap akan datang ke tanah Melayu.

“Saya dan kawan-kawan saya yang lain diperlukan lagi di sini,” jawabnya ringkas. Sinis suaranya diikuti dengan ketawanya bertali arus. Puan Philip turut ketawa kecil. Robert hanya diam.

“Kami ditawarkan untuk menjadi penasihat kepada sistem mengajar matematik dan sains di dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di sini,” sambung Tuan Philip bernada bangga.

(hlm. 117)

Bagi pengarang pada zaman lampau pejuang-pejuang kemerdekaan sanggup bergadai nyawa menuntut kemerdekaan daripada penjajah dan menghantar mereka pulang namun kita yang merdeka telah menjemput mereka secara terhormat untuk datang menjajah kita lagi. Nada protes itu digambarkan oleh pengarang dalam petikan berikut:

“soal bahasa ini sudah dikelirukan oleh banyak pihak,” jawabku penuh yakin. “ia bukan kerana soal penggunaan bahasa Inggeris. Kita tidak menentang bahasa apa pun untuk dipelajari sebagai bahasa sampingan. Soalnya sekarang, ada pihak yang menganggap seolah-olah bahasa Melayu tidak layak menjadi bahasa ilmu sesudah melaksanakan Dasar Pendidikan Negara dan setelah 45 tahun. Bahasa Melayu tidak diberikan nilai ekonomi dan komersial. Bahasa Melayu

tidak diletakkan di persada sewajarnya sebagai bahasa rasmi Negara. Masih ramai lagi orang politik tempatan memperlekehkan bahasa melayu dan membanggakan bahasa Inggeris”

(hlm. 127)

Pengarang juga menyalahkan pemimpin politik yang tidak bersungguh mempertahankan kedudukan bahasa Melayu dan membiarkan penggunaan bahasa Inggeris yang berleluasan sehingga menghilangkan identiti negara Malaysia. Penggunaan bahasa Inggeris yang berluasan di semua tempat baik bangunan, jalan, nama-nama kedai turut dikritik oleh pengarang. Situasi sinis ini digambarkan melalui pertuturan Puan Philip:

“Ya! Saya pun hairan. Nama-nama tempat di sini masih menggunakan bahasa Inggeris. Di pintu masuk negara kamu, lapangan terbang itu dikenali sebagai Kuala Lumpur International Airport. Tidak ada nama Melayukah? Banyak supermarket dan pusat beli-belah menggunakan bahasa Inggeris seperti The Megamall, The Mid Valley, The Times Square. Malah bangunan tertinggi di dunia yang ada di Negara ini diberi nama Kuala Lumpur City Centre. Negaramu seolah-olah tiada identity. Sama sahaja macam sebelum merdeka,” Puan Philip berhujah panjang. Aku terasa terhisir dengan hujahannya itu.

(hlm. 128)

Persoalan pilihanraya pula diungkapkan melalui cerpen “Cerita Bermusim” dan “Melibas hantu”. Kedua-dua cerpen ini mengambil musim pilihanraya sebagai latar. Kedua-dua cerpen ini mengangkat persoalan pilihanraya dengan pelbagai kerenahnya. “Cerita Bermusim” secara satira pengarang melahirkan protes

terhadap sikap pemimpin yang suka menabur pelbagai janji semasa pilihanraya di adakan. Untuk mengambil hati pengundi, pemimpin akan menabur pelbagai janji untuk rakyat dan janji-janji itu dilupakan apabila sesuatu pilihanraya selesai dijalankan. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Sekarang Awang Jusoh terdengar cerita baru. Kali ini cerita itu datang dari Batu Talam. Seperti di Pasir Mas dulu, maka Batu Talam pun menjadi tumpuan pawang-pawang politik yang datang dari seluruh pelusuk tanah air. Macam di Pasir Mas, pawing-pawang ini membuat pelbagai janji kepada penduduk Batu Talam. Hinggakan batu-batu kerikil di situ dikatakan boleh ditukarkan menjadi emas. Maka ramailah yang datang berkhemah dan berpesta. Ada yang datang menabur rezeki, ada yang datang mengaut rezeki.

(hlm.160)

Cerpen “Melibas Hantu” juga mengangkat persoalan pilihanraya tetapi melihat taktik yang digunakan oleh parti yang bertanding bagi menjamin kemenangan mereka. Dalam memburu kemenangan dalam pilihanraya parti yang bertanding akan melakukan apa sahaja tindakan dan salah satu caranya mewujudkan pengundi hantu. Isu pengundi hantu digarapkan oleh pengarang Muaz lantas melontarkan idea kepada Mualim untuk menggunakan hantu bagi memenangi pemilihan ini. Cadangannya itu mendapat sokongan daripada juak-juaknya. Mualim memanggil semua juaknya dalam satu mesyuarat tergepar bagi mengatur strategi uuntuk memenangi pemilihan ini.

(hlm.198)

Hubungan sejuk panas antara Malaysia dengan Singapura pula dilukiskan oleh pengarang melalui cerpen “Dongeng Seekor Singa Tua”. Cerpen ini bertolak daripada isu bekalan air bersih yang timbul di antara Malaysia dan Singapura. Situasi ini dilukiskan oleh pengarang;

Mutakhir ini perbalahan timbul berikutan bekalan aliran air sungai Temasek. Singa Tua mendakwa air sungai itu adalah hak mutlaknya. Alasan Singa Tua ialah kerana air itu mengalir menuju ke muara sungai yang terletak di dalam jajahan takluknya. Sementara Pak Belang mempertahankan air itu adalah hak miliknya. Alasannya hulu sungai itu terletak dalam kawasan belantaranya.

(hlm.134)

Cerpen “Kami Anak-anak Isa” memaparkan suka duka kehidupan kanak-kanak anak tahanan ISA (Akta keselamatan Dalam Negeri). Keperitan dan kesusahan yang mereka alami dilukiskan kembali oleh pengarang sebagai tanda protes terhadap akta ini yang dianggap kejam terhadap gobongan ini. Pengarang membawa pembaca menghayati konflik jiwa yang dihadapi oleh keluarganya:

Enam tahun kami dipisahkan dengan abah. Bayangkan betapa pilu dan sedihnya hati kami. Ketika abah ditahan saya berusia 3 tahun. Saya tidak tahu apa-apa pada masa itu. Yang saya tahu abah tidak pulang-pulang selepas ditahan. Ibu asyik menangis apabila malam. Ibu semacam rindukan abah setiap malam apabila mahu tidur. Ibu akan memeluk bantal guling erat-erat sambil menangis teresak-esak. Barangkali ibu bayangkan abah ketika memeluk bantal itu.

(hlm.179)



Kehilangan ketua keluarga akan memberi tekanan yang besar kepada para isteri yang terpaksa mengambil alih tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Hal ini digambarkan melalui watak ibu yang terpaksa berkerja keras untuk menyara keluarga kerana hilangnya tempat bergantung:

Memang pun semangat ibu sangat kental. Semenjak ketiadaan abah, ibu berkebun di tanah seluas suku ekar yang abah beli sebelum kahwin dulu. Di atas tanah itulah abah mendirikan sebuah rumah kampung sederhana besarnya. Ibu menanam bermacam-macam sayuran dan pokok buah-buahan. Sementara menunggu hasil buah dan sayur dituai, ibu menjaja pisang goreng dan kueh mueh di tepi jalan. Ibu tidak pernah betah duduk diam. Pendek kata ada-ada sahaja dikerjakannya untuk mencari wang.

(hlm. 184)

### **Kesimpulan**

Cerpen-cerpen Razali Endun dalam kumpulan *Anum Ranum* mengangkat isu yang pelbagai merangkumi budaya, ekonomi dan politik. Persoalan politik dilihat paling dominan dalam kumpulan cerpen ini. Melalui karyanya ini pengarang melahirkan protes beliau terhadap beberapa kepincangan yang berlaku dalam politik negara. Persoalan gila akan kuasa, penyelewengan kuasa, imej negatif pemimpin dipaparkan oleh pengarang sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Meskipun persoalan yang diangkat agak berat pengarang berjaya menyampaikannya secara mudah dengan menggunakan lambang-lambang yang dekat dengan khalayak pembaca.

Situasi politik yang berlaku telah membekalkan bahan untuk diolah oleh penulis. Persoalan pertentangan ideologi antara

pemerintah antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan Kelantan yang dipimpin oleh parti pembangkang diangkat melalui cerpen “Cah keting”. Kemelut berpanjangan antara kedua parti ini dilukiskan kembali oleh pengarang dalam bentuk realiti kreatif. Keberanian pengarang menampilkan latar dan watak yang begitu dekat dengan situasi sebenar memudahkan khalayak pembaca untuk memahami apa sebenarnya yang hendak disampaikan oleh pengarang.

Isu bahasa Melayu turut dilihat oleh pengarang dari sudut politik. Pengarang menegaskan bahawa nasib malang yang dihadapi oleh bahasa Melayu sekarang adalah berpunca daripada pemimpin politik itu sendiri. Bagi pengarang dasar-dasar yang dibentuk tidak lagi mempertahankan kedudukan bahasa Melayu yang berdaulat. Beberapa persoalan lain yang berlaku dalam politik seperti perebutan kuasa, penyelewengan kuasa, pilihanraya dengan isu-isunya turut diangkat oleh pengarang memperlihatkan kepekaan pengarang terhadap situasi politik yang berlaku di Negara kita. Kemunculan kali kedua Razali Endun ini (setelah lama berehat daripada penulis) memperlihatkan suara hati beliau yang marah dengan situasi politik yang berlaku di Negara kita sekarang. Kemarahan itu tampaknya memanggil kembali penulis untuk berkarya.

Kumpulan cerpen ini jelas memperlihatkan bahawa kesusasteraan tidak lahir dari ruang yang kosong. Apa yang digambarkan oleh pengarang dipungut daripada peristiwa sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Kepincangan yang berlaku telah mendorong pengarang untuk melahirkan rasa marah, sakit hati dan protes beliau dalam bentuk realiti kreatif. Sastera bukanlah satu hasil khayalan semata-mata kerana pengarang terpaksa bergantung kepada pengalaman yang sebenar walaupun situasi dan watak dalam cerita mungkin direka.

Kesimpulannya, Kumpulan cerpen *Anum Ranum* adalah satu himpunan rakaman sejarah politik negara yang di sampaikan oleh pengarang dalam bentuk realiti kreatif. Apa yang dipaparkan

oleh pengarangnya bertolak daripada peristiwa politik yang benar-benar berlaku dalam negara kita. Kelahiran kumpulan cerpen ini juga memperlihatkan kesinambungan Razali Endun mengangkat persoalan politik dalam karya-karya beliau dan keberanian beliau melukiskan persoalan ini dengan nada kritis.

### **Rujukan**

- Baha Zain. 1982. Perhubungan pahit manis antara politik dan sastera. *Dewan Sastera*. Ogos; 3.
- Ball. A.R. 1993. *Politik dan Kerajaan Moden*. Terj. S.Ahmad Hussin, Loh Fong Fong dan Wong Seat Tho. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1998. *Penciptaan dan Kemanusiaan Dalam Cerpen dan Novel*. Shah Alam: penerbit Fajar Bakti.
- Khoo Kay Kim. 1982. Sastera dan Politik. *Dewan sastera*, Ogos: 24-26.
- Razali Endun. 2010. *Kumpulan Cerpen Anum Ranum*. Batu Caves: Badan Penulis dan Karyawan Kreatif (PIKIR)
- Wiratmo Soekito. 1982. Manusia, sastera dan politik. Dlm. Satyagraha Hoerid (pnyt.) *Sejumlah Masalah Sastera*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.

